

NCRC-UUM dan POLIMAS Anjurkan Kursus Keusahawanan Dalam Pendidikan.

Northern Corridor Research Centre (NCRC)

Telah Dihantar: 04 Oktober 2010 13:55

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

Sk: Northern Corridor Research Centre (NCRC)



04 Oktober 2010 / 25 Syawal 1431H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

NCRC ON-LINE:**KURSUS CPCM : KURSUS KEUSAHAWANAN DALAM PENDIDIKAN**

Northern Corridor Research Centre (NCRC – UUM) dengan kerjasama Politeknik Mu'adzam Shah (POLIMAS) telah menganjurkan Kursus Keusahawanan Dalam Pendidikan pada 27-30 September 2010 bertempat di Hotel Darulaman, Jitra Kedah dengan jayanya. Kursus ini merupakan Kursus Carrier Path Competency Matrix (CPCM) dalam Skim Perkhidmatan Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT). Kursus ini dihadiri oleh 38 orang peserta dari kalangan pensyarah Politeknik yang berkhidmat di Zon Utara (Politeknik Ungku Omar, POLIMAS, Politeknik Seberang Perai, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, dan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin). Penceramah yang berpengalaman luas dalam bidang perniagaan dan keusahawanan iaitu Dr. Filzah Bt Md Isa telah berjaya menarik minat peserta sepanjang kursus berlangsung. Dr. Filzah merupakan seorang pensyarah UUM daripada Kolej Perniagaan (COB).

Pada permulaan kursus, para peserta telah diperkenalkan dengan bidang keusahawanan oleh Puan Syahrina Binti Abdullah, seorang lagi pensyarah UUM COB. Antara kandungan kursus yang dilaksanakan ialah berkenaan pendidikan keusahawanan, aplikasi Blue Ocean Strategy dalam keusahawanan, kreativiti dan inovasi, kemahiran perundingan dan bimbingan usahawanan, serta cara-cara menyediakan rancangan perniagaan (RP).

Di akhir kursus, para peserta telah ditugaskan untuk menyediakan dan seterusnya membentangkan RP. Pembentangan telah dinilai sendiri oleh penceramah berdasarkan persembahan slide, idea yang menarik, dan potensi perniagaan. Kumpulan terbaik telah dimenangi oleh kumpulan Bubble Bath, telah membentangkan sebuah rancangan perniagaan yang sangat sesuai dicadangkan kepada pelajar-pelajar Politeknik. Di samping itu, kumpulan yang lain turut memberikan pembentangan dan mengemukakan idea perniagaan yang berpotensi. Hadiah Pembentangan serta Sijil Penyertaan telah disampaikan oleh Pengarah NCRC-UUM, Prof. Madya Dr. Rohana Yusof.

Peserta-peserta menunjukkan komitmen dan kesungguhan sewaktu menghadiri kursus. Penceramah dapat menerangkan jawapan terhadap soalan yang diajukan oleh peserta. Secara keseluruhannya, kursus CPCM ini dapat memberi pengetahuan yang berguna berkaitan keusahawanan dalam pendidikan.

